


<http://www.mia2fly.com/?src=overture/search=aviation/>

Ini merupakan laman web Institut Penerbangan Makarion di California yang mengajar mereka yang ingin membina kerjaya sebagai juruterbang dengan kombinasi kaedah yang ringkas dan kos yang lebih murah jika dibandingkan dengan institut penerbangan yang lain. Laman web ini menyediakan semua maklumat yang anda perlukan bermula dengan latihan awal penerbangan sehinggalah peringkat anda digelar juruterbang profesional. Anda juga boleh mengemukakan soalan kepada Penasihat Kerjaya Penerbangan yang akan menjawab segala soalan yang dikemukakan dengan percuma. Anda hanya perlu klik pada Sesi Maklumat dan hantar soalan anda kepada beliau. Selain itu, beberapa tokoh besar dalam penerbangan turut dipaparkan dalam laman web ini disertakan dengan kata-kata hikmat mengenai penerbangan antaranya ialah Amelia Earhart, satu-satunya juruterbang wanita pada zaman beliau, Orville Wright, Charles Lindbergh dan beberapa lagi. Anda juga boleh memperoleh maklumat tentang kursus yang dianjurkan, program juruterbang profesional dan permohonan bantuan kewangan yang turut disediakan bagi mereka yang berminat.

<http://www.first-to-fly.com/>

Laman web ini bagaikan sebuah muzium di talian yang memaparkan sejarah reka cipta kenderaan udara daripada zaman Wilbur Wright (1899) lagi. Kesemua replika yang dipaparkan dalam muzium dihasilkan semula berdasarkan saiz dan bentuk serta bahan digunakan yang sama dengan penciptaan pertama oleh Wilbur Wright. Pihak pentadbir muzium turut mencipta semula lima buah kenderaan udara yang dicipta oleh Wright bersaudara sejak tahun 1899 hingga 1903. Menariknya, laman web ini turut menyelongkar hasil usaha pertama dalam mereka cipta kapal terbang yang diusahakan oleh Wright. Ini bermula bagaimana idea penciptaan sayap. Kita sememangnya mengetahui sejarah Wright bersaudara daripada kapal terbang yang dihasilkan tetapi kita tidak pernah mengetahui bagaimana sebenarnya idea penciptaan sayap kapal terbang yang sebenarnya memainkan peranan yang amat penting bagi membolehkan kenderaan yang diperbuat daripada besi itu diterbangkan ke udara. Tahukah anda usaha untuk mencipta sayap bagi membolehkan manusia terbang ke udara seperti burung bermula sejak tahun 1799 lagi. Usaha ini mula menampakkan kejayaan hanya selepas perang dunia pertama sahaja.

Melalui laman web ini anda juga didedahkan dengan hangar maya, iaitu bengkel kapal terbang. Suasana kerja di dalam sebuah hangar boleh anda rasai walaupun bukan secara realitinya. Ini sudah tentu akan memberi gambaran jelas kepada anda tentang suatu lagi bidang kerjaya dalam penerbangan.



<http://www.boeing.com/flash.html>

Di laman web ini banyak maklumat mengenai Boeing boleh anda ketahui. Menariknya, terdapat beberapa berita yang menjadi tarikan dalam seluruh dunia penerbangan disiarkan berkaitan dengan Boeing. Antaranya, pasukan Boeing menerima Anugerah William J. Perry, merupakan suatu anugerah yang berprestij dalam dunia penerbangan. Dan pelbagai lagi kapal udara terbaru dikeluarkan daripada Boeing untuk tujuan pertahanan. Paling menarik ialah fakta yang dipaparkan berkenaan apa yang syarikat Boeing lakukan dalam masa 24 jam dari sekarang. Sungguh menakjubkan. Bayangkan dalam masa 24 jam Boeing telah mengaut keuntungan daripada perkhidmatan yang disediakan ke seluruh dunia kepada pelanggannya sebanyak RM212 juta manakala tempoh 24 jam dari sekarang juga, berjuta-juta penumpang, penumpang dan pelayar akan sampai ke destinasi yang dituju dengan menggunakan Sistem Penempatan Global (GPS) yang direka dan dibangunkan oleh Boeing.

Selain itu, pelbagai peluang pekerjaan dan bidang yang terbabit dalam syarikat ini turut dipaparkan. Sememangnya Boeing yang merupakan peneraju dalam dunia penerbangan sudah pasti memerlukan pekerja yang memenuhi ciri cemerlang untuk membolehkan mereka dipilih. Oleh itu, laman web ini memberi pendedahan awal apakah bentuk kriteria yang diperlukan agar anda boleh membuat persediaan. Maklumat dan kriteria yang diberikan bukan sahaja memenuhi standard yang ditetapkan oleh syarikat ini tetapi juga syarikat penerbangan yang lain. Bagi anda yang berminat kunjungilah laman web ini untuk mendapatkan gambaran ringkas mengenai bidang yang anda ingin ceburi.

<http://www.malaysiaairlines.com/world/>

Tahukah anda Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) melakukan penerbangan ke lebih 100 destinasi merentasi enam benua. MAS sebenarnya bukan sahaja membabitkan penerbangan tetapi mempunyai pelbagai bentuk perniagaan lain yang memberi perkhidmatan berbeza. Jenis perniagaan bermula daripada katering, kejuruteraan dan Akademi Penerbangan Malaysia (MAA). MAS turut mengendalikan kargo sama ada untuk domestik mahupun lapangan terbang antarabangsa di Malaysia. Antara negara yang mempunyai pejabat cawangan MAS ialah, Afrika, Taiwan, Singapura, Jepun, New Zealand, Korea, Hong Kong, Amerika Syarikat, Eropah dan Australia.

Manakala Akademi Penerbangan Malaysia merupakan pusat latihan yang menyediakan latihan awal untuk pekerja. Tetapi terdapat juga latihan disediakan untuk organisasi dan orang perseorangan yang berkhidmat dalam bidang berkaitan dengan operasi penerbangan dan sektor perkhidmatan dalam bidang sama.

Akademi ini dilengkapi dengan kemudahan terkini sesuai dengan kursus, mesyuarat, seminar mahupun persidangan yang dikendalikan. Kemudahan yang terdapat di akademi turut dibuka untuk disewa kepada umum dan organisasi lain.

